



# e-Buletin

INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)

BIL.2/2017



MS 2



MS 5



MS 10

*Penasihat/Ketua Penyunting:*

Pn. Roshadah Hashim  
(Pengarah EiMAS)

*Reka bentuk & Penyelaras:*

Unit Perpustakaan EiMAS

*Penyumbang Artikel:*

Pusat Kawalan Pencemaran Air  
Pusat Kawalan & Pengawasan Udara  
Pusat Perundangan & Penguatkuasaan  
Pusat Penilaian  
Pusat Bahan Berbahaya

*Penyumbang Artikel:*

Pusat Perhubungan Korporat &  
Komunikasi Strategik  
Pusat Kompetensi & Pensijilan Industri  
Unit Perpustakaan

# Hands-On Training On National Registry of Certified Environmental Professional (NRCEP) System

Tarikh : 9 & 10 Ogos, 2017

Tempat : Hotel Sunway Seberang Jaya, Pulau Pinang

Peserta : 80 Orang Yang Berwibawa

Kursus ini adalah siri yang kedua untuk tahun 2017. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi latihan kepada Orang Yang Berwibawa (OYB) dalam menggunakan sistem NRCEP. Setiap OYB mempunyai tanggungjawab untuk mengumpul 50 jam CPD bagi memastikan mereka kekal berdaftar di dalam sistem NRCEP.



Kursus ini melibatkan beberapa topik penting iaitu latar belakang sistem NRCEP, garis panduan CPD hours, sesi praktikal penggunaan fungsi-fungsi utama di dalam sistem NRCEP, dan juga sesi penyelesaian masalah berkaitan sistem. Selain itu, kursus ini juga dijadikan sebagai medium promosi program *self regulation* Jabatan kepada OYB dengan taklimat polisi-polisi terkini Jabatan.

## KURSUS GEOSPATIAL INFORMATION SYSTEM (GIS)

Tarikh: 21 – 25 Ogos, 2017

Tempat: Hotel Harbour View, Kuching, Sarawak

Peserta: 24 Peserta JAS dari Gred 27 – 44



Objektif utama kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai JAS Negeri dan Cawangan supaya lebih ramai pegawai JAS mempunyai kemahiran menggunakan aplikasi GIS dalam pengurusan alam sekitar. Kursus kali ini ditumpukan kepada pegawai-pegawai JAS di Negeri Sarawak.



# Seminar *Guided Self Regulation (GSR)* bersempena Majlis Penganugerahan Sijil Orang Yang Berwibawa (OYB)



Tarikh: 21 September, 2017

Tempat: Hotel Bangi - Putrajaya, Bangi

Peserta: 180 Orang Yang Berwibawa



OYB sedang berikrar untuk melaksanakan tugas dengan kompeten

Majlis Penganugerahan Sijil Kompetensi Bil.2/2017 kepada pegawai industri yang baru diperakukan sebagai Orang Yang Berwibawa telah berlangsung pada 21 September, 2017. Sempena Majlis ini, telah diadakan Seminar *Guided Self Regulation (GSR)*.

Tujuan Seminar ini diadakan adalah bagi menyediakan satu landasan kepada Orang Yang Berwibawa (OYB) untuk menambah ilmu pengetahuan serta sentiasa peka dengan perkembangan terbaru dalam bidang pengurusan alam sekitar terutamanya inisiatif-inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Jabatan seperti *Guided Self Regulation (GSR)*. Melalui Seminar ini, beberapa tajuk penting berkenaan pelaksanaan *GSR* telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Jabatan. Seminar ini sangat penting kerana OYB merupakan pegawai industri yang telah diperakukan oleh Jabatan sebagai kompeten dalam mengendalikan alat-alat kawalan pencemaran atau pengurusan buangan terjadual. Oleh itu, mereka perlu memahami kehendak-kehendak Jabatan mengenai *GSR*.



# KURSUS *CERTIFIED ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL IN SCHEDULED WASTE INSPECTION (CePSWI), SIRI 3*

Tarikh : 2-6 Oktober, 2017  
Tempat: Hotel RHR@UNITEN  
Peserta: 24 orang



Penceramah dari Air Waste Water Sdn Bhd, Dr Ahyar Idris



Sesi Pembelajaran

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) di bawah Pusat Bahan Berbahaya telah menganjurkan Kursus *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI)* pada 2-6 Oktober, 2017 bertempat di RHR Hotel UNITEN, Bangi, Selangor. Objektif utama Kursus ini diadakan adalah untuk membangunkan kemahiran pegawai JAS sebagai pegawai yang kompeten dalam menjalankan pemeriksaan secara komprehensif ke atas premis buangan terjadual. Selain itu, Kursus ini merupakan salah satu program yang tersenarai di bawah Program Pelan Pembangunan Kompetensi Jabatan Alam Sekitar 2017-2020.

24 orang peserta JAS dari seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini. Peserta-peserta terdiri daripada kumpulan profesional dan kumpulan sokongan. Bagi Kursus ini para peserta perlu menghantar Laporan Latihan di Lapangan (*Field Training Report* atau *FTR*) yang diberi tempoh selama 90 hari bermula dari tarikh kursus tamat. Di samping itu, peserta-peserta juga perlu menjalankan siasatan audit untuk mendapatkan data di lapangan bagi menyediakan laporan tersebut.

*Field Training Report* atau *FTR* merupakan syarat pentauliah sebagai *Certified Scheduled Waste Inspector* yang dibangunkan khusus untuk pegawai Jabatan Alam Sekitar. *FTR* adalah sebagai kayu pengukur kefahaman peserta-peserta *CePSWI* mengenai *Scheduled Waste Inspection* yang perlu diterangkan secara bertulis.



Penyampaian Sijil kepada Peserta dari JAS Selangor



Penyampaian Sijil kepada Peserta dari Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat

# **Kursus *Certified Environmental Professional In Leachate Treatment Plant Inspection (CePLTPI) Siri 2***

Tarikh: 11-15 September, 2017  
Tempat: Hotel RHR@UNITEN  
Peserta: 28 orang



Sesi ceramah Modul 7



Sesi bacaan ikrar Kursus



Sesi peperiksaan bertulis

Kursus ini merupakan Kursus Pensijilan yang baru dilaksanakan pada tahun ini. Objektif Kursus ini diadakan adalah untuk melengkapkan pegawai-pegawai JAS dengan pengetahuan berkaitan kejuruteraan pengolohan larut resapan daripada stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah, serta kemahiran mengaplikasinya di dalam pelaksanaan tugas-tugas di Jabatan. Ini merupakan kali ke-2 Kursus ini diadakan pada tahun ini.

## **KURSUS HYDRAULIC MODELLING AND MORPHOLOGY FOR COASTAL DEVELOPMENT PROJECTS (LEVEL 2)**

Tarikh: 12-15 September, 2017  
Tempat: Dr. Nik & Associates, Setiawangsa, Kuala Lumpur  
Peserta: 15 Peserta JAS (Gred 48 – 27) dan 6 Peserta Luar

Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan/latihan kepada pegawai-pegawai JAS yang memproses Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) berkaitan penambakan laut dan pembangunan tanah di pesisiran pantai, dalam aspek pengetahuan pemodelan hidraulik (*hydraulic modelling*), ramalan impak, langkah kawalan serta *Best Management Practices (BMPs)* untuk projek penambakan pantai.



# BENGGEL PENGUKUHAN *GSR*: PELAKSANAAN PENGUKUASAAN *GSR*, PELAPORAN *KPI* BULANAN DAN SUKUTAHUN



**Tarikh:** 23-25 Ogos, 2017  
**Tempat:** Hotel Grand Blue Wave,  
Shah Alam, Selangor  
**Peserta:** 25 orang pegawai JAS

Pusat Perundangan dan Penguatkuasaan, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan *GSR*: Pelaksanaan Penguatkuasaan *GSR*, Pelaporan *KPI* Bulanan dan Sukutahun khusus untuk pegawai-pegawai kanan Bahagian Operasi dan pegawai penyelaras *KPI* Jabatan Alam Sekitar Negeri.

Objektif Bengkel ini adalah untuk mengukuhkan pelaksanaan penguatkuasaan *GSR* di kalangan pegawai JAS dan mewujudkan garis panduan pelaporan *KPI* bulanan dan sukutahun untuk digunakan oleh JAS Negeri.



Dato' KPAS sedang memberi penerangan mengenai pelaksanaan penguatkuasaan *GSR*



Berbincang bagi menambahbaik penilaian EMTs



Penceramah dari Bhg.Penguatkuasa, Ibu Pejabat JAS menjelaskan tentang format Pelaporan *KPI* Bulanan dan Sukutahun

Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat JAS, yang bertanggung jawab bagi mewujudkan garis panduan pelaporan *KPI* bulanan dan sukutahun telah mengambil inisiatif bagi menyelaras input-input dari JAS Negeri untuk menghasilkan format pelaporan *KPI* yang mantap dan komprehensif. Satu Mesyuarat Penguatkuasaan *GSR* bersama Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar juga diadakan bagi menyelesaikan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh JAS Negeri dalam mengukuhkan lagi pelaksanaan penguatkuasaan *GSR* terutama dalam proses verifikasi dan semakan laporan pematuhan *Environmental Mainstreaming Tools (EMTs)* oleh premis industri



Mesyuarat Penguatkuasaan *GSR* di Lapangan bersama KPP(O)/Penyelaras *KPI* JAS Negeri

Bengkel ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Satu garis panduan bagi pelaporan *KPI* bulanan dan sukutahun akan dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat JAS yang akan digunakan oleh JAS Negeri dalam melaksanakan penguatkuasaan *GSR* secara *desktop* dan di lapangan.

# KURSUS PROSEDUR DAN TATACARA MEMOHON PERINTAH MAHKAMAH (PELUCUTAN HAK EKSIBIT YANG DISITA), PERUNDINGAN SEBELUM PERBICARAAN, PENGURUSAN KES DAN TAWARAN PENGAKUAN

Tarikh: 18-20 September, 2017

Tempat: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor

Peserta: 25 orang pegawai JAS



Pusat Perundangan dan Penguatkuasaan, Institut Alam Sekitar Malaysia (Ei/MAS) telah menganjurkan Kursus Prosedur dan Tatacara Memohon Perintah Mahkamah (Pelucutan Hak Eksibit yang Disita), Perundingan Sebelum Perbicaraan, Pengurusan Kes dan Tawaran Pengakuan dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) sebagai penceramah. Kursus ini dianjurkan khusus untuk pegawai-pegawai pendakwa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri.

Objektif Kursus ini adalah untuk memberi pendedahan serta memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai JAS agar dapat menjalankan tugas sebagai Pegawai Pendakwa Jabatan dengan berkesan, terutamanya mengenai prosedur-prosedur mahkamah yang berkaitan (merujuk kepada Kanun Prosedur Jenayah, Akta 593).

Pegawai Pendakwa JAS telah didedahkan dengan prosedur dan tatacara permohonan perintah pelucutan hak eksibit yang disita dalam perbicaraan di mahkamah, meningkatkan kefahaman dalam aspek kemahiran dalam perundingan sebelum perbicaraan, dan meningkatkan kemahiran pengurusan dan pengendalian proses dan tawaranakuan di mahkamah, di mana setiap topik disusuli dengan latih amal dan perbicaraan *mock* dengan bimbingan oleh pihak ILKAP.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya dan akan diteruskan untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai JAS yang belum pernah hadir untuk memperolehi manfaat pembelajaran dan meningkatkan keberkesanan tugas sebagai Pegawai Pendakwa.



Perbincangan mengikut kumpulan bagi persediaan persembahan latih amal



Penceramah memberi panduan dan penjelasan mengenai teknik memohon perintah mahkamah dalam Perbicaraan *Mock*



Latihan Perbicaraan *Mock*

# Kursus *Train The Trainer (TTT)*

**Tarikh:** 11 - 15 September, 2017

**Tempat :** Hotel Quality, Kuala Lumpur

**Peserta:** 20 orang Pegawai JAS

Pusat Perhubungan Korporat dan Komunikasi Strategik, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Kursus *Train the Trainer (TTT)*. Kursus ini dianjurkan kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar yang menjadi tenaga pengajar untuk kursus-kursus di EiMAS atau yang menjadi penceramah untuk program-program anjuran JAS dan jemputan pihak luar.

Objektif Kursus ini adalah untuk memberi pengiktirafan sebagai tenaga pengajar kompeten oleh penyedia latihan dari Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) khususnya dalam aspek merekabentuk dan melaksanakan program latihan dengan berkesan.

Pegawai JAS yang menghadiri kursus ini perlu mengikuti modul komprehensif yang telah disediakan oleh pihak PSMB. Antara topik yang diajar dalam kursus ini adalah *Plan Adult Learning*, *Conduct Training Needs Analysis (TNA)*, *Design Competency Based Training Programme* dan *Assess Participants' Competence*. Para peserta juga perlu aktif dalam setiap perbincangan kumpulan dan menyiapkan setiap tugas yang diberikan dalam masa yang ditetapkan. Pada hari terakhir kursus, peserta perlu membentangkan satu tajuk yang dipilih sendiri dan perlu menyampaikannya berdasarkan apa yang telah dipelajari dalam bentuk yang ditentukan oleh PSMB. Di samping pembentangan akhir ini, semua tugas yang dilakukan sepanjang tempoh kursus diberi markah oleh tenaga pengajar PSMB dan diambilkira dalam penilaian peserta untuk menjadi tenaga pengajar yang kompeten.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya dan boleh diteruskan untuk memberi peluang kepada tenaga pengajar dan penceramah JAS yang belum pernah hadir untuk memperolehi manafaat pembelajaran dan meningkatkan keberkesanan tugas khususnya dalam merekabentuk dan melaksanakan program latihan dengan berkesan.



Peserta Kursus memberi perhatian kepada ceramah yang disampaikan



Para peserta Kursus sedang tekun membuat perbincangan kumpulan



Setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan masing-masing untuk dinilai oleh penceramah PSMB

# BENGGEL ENVIRO KNOWLEDGE MANAGEMENT CENTRE (EKMC) DAN E-MUSEUM SIRI II

Tarikh: 23-25 Oktober, 2017  
Tempat: RHR Hotel@UNITEN  
Peserta: 20 orang peserta

Unit Perpustakaan EIMAS telah menganjurkan Bengkel EKMC dan E-Museum bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai penyelar JAS mengenai pengurusan sistem *Enviro Knowledge Management Centre (EKMC)* dan E-MUSEUM terutamanya untuk item-item baru yang telah diwujudkan.

Selain itu, melalui Bengkel ini pegawai penyelar dapat mengemaskini data dan maklumat penting berkaitan Jabatan dengan lebih sistematik dan efisien selaras dengan kehendak Jabatan iaitu ke arah pengumpulan maklumat digital.



Peserta juga dapat mengenalpasti perkara-perkara yang perlu ditambahbaik untuk penambahbaikan sistem di masa akan datang. Penceramah bagi bengkel ini ialah En. Wan Azuan Shah (Pustakawan Kanan) Perpustakaan JAS.



# Bengkel Pelaksanaan Kursus Kompetensi Audit Industri Hijau Bagi Pegawai JAS Dan Industri

Traikh: 31 Oktober– 2 November, 2017

Tempat: Hotel Dorsett Putrajaya

Peserta: 18 orang Pegawai JAS

Pusat Perundangan dan Penguatkuasaan, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan Kursus Kompetensi Audit Industri Hijau bagi Pegawai JAS dan Industri. Bengkel ini dianjurkan khusus untuk pegawai Jabatan Alam Sekitar yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program industri hijau, pegawai yang telah melepasi Tahap II dan Tahap III Kompetensi Audit Industri Hijau dan pegawai yang telah diiktiraf oleh Jabatan sebagai Auditor Industri Hijau.

Objektif Kursus ini adalah untuk merangka format dan penilaian bagi Kursus Kompetensi Audit Industri Hijau selaras dengan format kursus kompetensi lain yang telah diiktiraf oleh Jabatan dengan keperluan penilaian terhadap *Field Training Report (FTR)* dan temuduga.

Para peserta Bengkel telah membuat penilaian ke atas format modul kursus sedia ada dan merangka format baru Kursus Kompetensi Audit Industri Hijau dengan mengambilkira keperluan FTR dan temuduga sepertimana pensijilan lain Jabatan.

Bengkel ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya dan tindakan susulan bagi mengharmonikan dan merumuskan dapatan Bengkel akan dilaksanakan bagi menghasilkan format lengkap Kursus Kompetensi Audit Industri Hijau bagi Pegawai JAS dan Industri untuk ketetapan Panel Penilai Kursus-Kursus Pensijilan Jabatan Alam Sekitar.



Perbincangan Kumpulan 2 bagi merangka format FTR



Pembentangan kumpulan



Perbincangan Kumpulan 1 bagi merangka format modul kursus



## Kursus *Professional Interviewing Skills*

Tarikh: 25 - 26 Oktober, 2017  
 Tempat: Hotel Concorde, Shah Alam  
 Peserta: 25 orang pegawai EiMAS

Peserta kursus terdiri daripada pegawai EiMAS yang merupakan panel penemuduga yang bertanggungjawab untuk menemuduga pegawai industri dan pegawai Jabatan yang dalam proses untuk menjadi pegawai kompeten. Proses temuduga ini adalah proses terakhir sebelum pegawai industri atau pegawai Jabatan ditauliahkan sebagai kompeten dalam tugas masing – masing.

Antara objektif Kursus adalah:

- Memahami dan mengaplikasi teknik *competency – based* di dalam temuduga.
- Membangunkan soalan dan sistem penilaian temuduga.
- Mengenali kepelbagaian personaliti dan teknik komunikasi yang berkesan.
- Mengenal pasti dan memahami pelbagai kesilapan di dalam temuduga.
- Memahami dan melaksanakan proses penilaian dan pemilihan.



Peserta sedang tekun mendengar ceramah

# KURSUS *EVALUATION ON EFFECTIVENESS OF TRAINING (EET)*

Tarikh: 28 – 30 November 2017

Tempat: Hotel Dorsett Putrajaya

Peserta: 21 orang pegawai EIMAS

Pusat Perhubungan Korporat dan Komunikasi Strategik, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Kursus *Evaluation on Effectiveness of Training (EET)*. Kursus ini dianjurkan kepada pegawai-pegawai EiMAS yang menjadi Urus setia dan tenaga pengajar untuk kursus-kursus di EiMAS.

Objektif kursus ini adalah untuk menyemak dan menilai semula keberkesanan program latihan yang telah dirancang/diadakan berdasarkan kehendak Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Pegawai EiMAS yang menghadiri kursus ini diberi pendedahan mengenai kaedah yang betul dalam menilai keberkesanan sesuatu kursus yang telah dianjurkan. Antara topik yang diajar dalam kursus ini adalah *Key Evaluation & Assignment Concepts, Models of Planning and Evaluation, Measuring Business Performance, Methods of Monitoring the Assessment Process, Areas to be Monitored* dan *Record Training Data*. Para peserta juga perlu mengadakan perbincangan dalam kumpulan dan menyiapkan setiap tugas yang diberikan dalam masa yang ditetapkan.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya untuk Pegawai EiMAS menilai secara komprehensif setiap kursus yang dilaksanakan.



Peserta kursus memberi perhatian kepada ceramah yang disampaikan



Perbincangan kumpulan yang dinilai oleh penceramah PSMB



Penceramah memberi panduan kepada peserta dalam tugas berkumpulan

# KURSUS CERTIFIED ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL IN AIR POLLUTION CONTROL SYSTEM (DESIGN REVIEWER)

Tarikh : 25 HINGGA 29 SEPTEMBER 2017

Tempat : Hotel Grand Bluewave, Shah Alam

Peserta : 24 orang



Semasa sesi perbincangan diantara peserta-peserta dengan pensyarah



Para peserta kursus sedang menjalani sesi ujian bertulis pada hari terakhir kursus



Institut Alam Sekitar Malaysia (Ei/MAS) melalui Pusat Kawalan dan Pengawasan Udara telah menganjurkan sesi latihan Certified Environmental Professional In Air Pollution Control System (Design Reviewer). Program ini dianjurkan untuk memberi latihan intensif bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar tentang aspek kejuruteraan sistem kawalan pencemaran udara selari dengan keperluan notifikasi yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 bagi pemasangan alat kawalan pencemaran udara di kilang serta dapat menyemak secara objektif dan saintifik cadangan alat kawalan udara oleh pihak industri.

Sesi kuliah telah dijalankan selama empat hari termasuk hari peperiksaan bertulis dihari terakhir kursus. Program ini melibatkan seramai 24 orang pegawai JAS dari pejabat JAS Bahagian dan Negeri serta Ei/MAS yang turut sama hadir untuk diberi pendedahan berkenaan dengan aspek kejuruteraan sistem kawalan pencemaran udara serta rekabentuk pengoperasiannya.

Secara umumnya, program ini telah berjaya mencapai objektif bagi memberi pendedahan kepada pegawai JAS dalam pemasangan, rekabentuk dan pengoperasian setiap jenis sistem alat kawalan kawalan pencemaran udara masakini.

Salah seorang peserta sedang mengambil bahagian dalam sesi menjelaskan mengenai rekabentuk sistem alat kawalan pencemaran udara yang efektif kepada semua yang hadir

## COURSE SCHEDULE JANUARY – MARCH 2018

NO.	COURSE	JAN	FEB	MARCH
1	<b>Air Quality Management</b>			
	i) Course on Certified Environmental Professional in Bag Filter Inspection (CEPBF) - Siri 1/2018	22- 26		
	ii) Course on Understanding The Procedure and Execution of CEMS in Industries		26- 28	
	iii) Course on Certified Environmental Professional on Air Pollution Control Engineering (Design Reviewer)			26 - 30
2	<b>Environmental Management and Impact Assessment</b>			
	i) Kursus Air Quality Modelling Level 1			13 - 16
3	<b>Scheduled Waste Management</b>			
	i) Pengenalan Kepada Keselamatan & Kesihatan		5 - 9	
	iii) Certified Environmental Professional In Scheduled Wastes Inspection (CePSWI) – Siri 1			5 - 9
4	<b>Water Quality Management</b>			
	i) Certified Environmental Professional in Palm Oil Mill Effluent Treatment System Inspection (CePPOMI)		5 - 9	
	ii) Certified Environmental Professional In IETS Inspection (CePIETSI)			5 - 9
	iii) Certified Environmental Professional In IETS Inspection (CePIETSI) - Lab Session			12 - 14
5	<b>Environmental Legislation</b>			
	i) Kursus Forensik Alam Sekitar	22- 26		
	ii) Kursus Pemahaman Penguatkuasaan Kepada Pegawai Baru Jabatan Alam Sekitar		26 Feb - 2 Mac	
	iii) Kursus Penguatkuasaan Marin			19 - 23
6	<b>Quality Management</b>			
	i) Communication Skills Course		20 - 23	
	ii) Kursus Penulisan Rasmi			26 - 30
7	<b>Information and Communication Technology</b>			
	i) Kursus Sistem Online Environmental Report (OER)		12 - 13	
	ii) Train The Trainers: Electronic Scheduled Waste Information System (E-Swis)			26 - 27

# FASILITI *Ei*MAS



**Bilik Kuliah**



**Bilik Komputer**



**Auditorium**



**Bilik Penginapan**



**Perpustakaan**



**Fasiliti Sukan**



**Kafeteria**



**Makmal**



**Mini Gymnasium**



## **INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)**

Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia  
Beg Berkunci No. 24  
43600 UKM Bangi  
SELANGOR



03-8926 1500



03-8926 1700



[www.doe.gov.my/eimasv2](http://www.doe.gov.my/eimasv2)